

## Surat Pekeliling Perbendaharaan



KERAJAAN MALAYSIA

TAMBAHAN PERTAMA

SURAT PEKELILING PERBENDAHARAAN

BIL. 2 TAHUN 1995

**TATACARA PENYEDIAAN, PENILAIAN  
DAN PENERIMAAN**

Ketua-Ketua Setiausaha Kementerian,  
Ketua-Ketua Jabatan Persekutuan,  
Ketua-Ketua Badan-Badan Berkanun Persekutuan,  
Y.B Setiausaha-Setiausaha Kerajaan Negeri,  
Pihak-Pihak Berkuasa Kerajaan Tempatan,  
Ketua-Ketua Pegawai Eksekutif Syarikat Kerajaan,

Kementerian Kewangan Malaysia,  
Bahagian Pengurusan Perolehan Kerajaan,  
Kompleks Kerajaan Blok 9, Jalan Duta,  
Karung Berkunci No. 11040,  
50990 Kuala Lumpur

**TAMBAHAN PERTAMA**  
**SURAT PEKELILING PERBENDAHARAAN BIL 2 TAHUN 1995**

**TATACARA PENYEDIAAN, PENILAIAN  
DAN PENERIMAAN TENDER**

---

### 1. TUJUAN

1.1. Surat Pekeliling ini bertujuan untuk menjelaskan peraturan-peraturan yang wajib dipatuhi oleh semua Kementerian/Jabatan/Badan Berkanun (Agensi) dan Syarikat-syarikat Kerajaan berhubung dengan penguatkuasaan Akta Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (LPIPM) 1994 (Akta 520).

### 2. LATARBELAKANG

2.1. LPIPM telah diwujudkan pada tahun 1994 yang bertujuan untuk memajukan dan menggalakkan pembangunan, pembaikan dan pengembangan industri pembinaan negara.

2.2. Selaras dengan Seksyen 25 Akta LPIPM yang mula dikuatkuasakan pada 20 Julai 1995, semua kontraktor yang terlibat dalam perolehan Kerajaan juga dikehendaki berdaftar dengan LPIPM. Sementara Bahagian VIII Akta tersebut juga telah dikuatkuasa untuk LPIPM mengena dan memungut levi daripada semua kontraktor yang berdaftar dengan LPIPM yang mempunyai kontrak yang bernilai RM500,000 ke atas dengan kadar 0.25%.

### 3. PEMATUHAN DAN KAEDAH PELAKSANAAN DALAM PEROLEHAN KERAJAAN

3.1. Bagi maksud kenaan levi sebanyak 0.25% bagi kontrak yang bernilai RM500,000 ke atas, agensi yang memanggil tender hendaklah menjelaskan kepada petender di dalam Arahan Kepada Petender akan keperluan untuk mematuhi Peraturan-Peraturan Industri Pembinaan (Pungutan Levi) 1996.

Bagi menjelaskan keperluan tersebut tambahan kepada SPP 2/95 hendaklah dibuat seperti berikut:-

"5.4.4. Dengan kuatkuasanya Akta Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (LPIPM) 1994 (Akta 520), semua agensi Kerajaan dan syarikat Kerajaan hendaklah memasukkan satu klausa dalam 'Arahan Kepada petender' dengan menjelaskan semua tender yang bernilai RM500,000 ke atas akan dikenakan levi sebanyak 0.25% daripada jumlah kontrak kepada LPIPM sebagaimana yang ditetapkan dalam Seksyen 34(2) Akta 520. Kegagalan petender yang berjaya untuk membuat pembayaran akan mengakibatkan denda boleh dikenakan tidak melebihi RM50,000 dan tindakan sewajarnya ke atas pendaftarannya diambil. Pihak kontraktor hendaklah memastikan semua arahan dari LPIPM yang dikeluarkan dipatuhi sepenuhnya."

3.2. Bagi maksud memastikan semua kontraktor yang berdaftar dengan LPIPM sahaja boleh terlibat dalam perolehan Kerajaan, adalah ditetapkan bahawa hanya **kontraktor yang berdaftar dengan Pusat Khidmat Kontraktor dan LPIPM** sahaja boleh menyertai tender-tender yang dipanggil oleh Agensi dan syarikat-syarikat Kerajaan.

3.3. Bagi menjelaskan keperluan di atas, **para 6.1.2.4. SPP Bil. 2/95** hendaklah dipinda seperti berikut:-

"6.1.2.4. syarat-syarat petender yang layak memasuki tender:-  
(i) kelas, kepala dan sub-kepala di dalam Pendaftaran Pusat Khidmat Kontraktor dan mempunyai perakuan pendaftaran dengan Lembaga Pembangunan industri Pembinaan Malaysia (LPIPM) dalam gred dan kategori bagi tender kerja; dan/atau  
(ii) kod bidang-kepala dan sub-kepala di dalam perakuan pendaftaran di Kementerian Kewangan bagi tender bekalan dan/atau perkhidmatan."

#### 4 KUATKUASA DAN PEMBATALAN

41. Surat Pekeliling ini berkuatkuass serta merta. Dengan berkuatkuasanya arahan ini perenggan 6.1.2.4. kepada Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 2 Tahun 1995 adalah dibatalkan.

Sekian. Terima kasih.

" BERKHIDMAT UNTUK NEGARA "

Saya yang menurut perintah,

( DATO' DR. ABDUL AZIZ BIN MUHAMAD )  
Bahagian Pengurusan Perolehan Kerajaan,  
b.p. Ketua Setiausaha Perbendaharaan,  
Kementerian Kewangan Malaysia.

Bertarikh: 28 Februari 1997

No. Fail : S(K&B)(8.09)735/3/1-348 Jld. 10(26)

s.k.

Akauntan Negara Malaysia;  
Ketua Audit Negara Malaysia;  
Semua Yang Berhormat Pegawai Kewangan Negeri; dan  
Semua Ketua Bahagian Perbendaharaan Malaysia.